

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN  
BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL  
[BUKIT GANTANG]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [ BUKIT GANTANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini kewangan negara dan apakah jaminan Kerajaan bahawa peruntukan-peruntukan kebajikan rakyat bagi golongan B40 dan M40 tidak akan dipotong serta bajet-bajet bagi memperkasakan agenda Prihatin Rakyat dapat diteruskan selepas ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Susulan penularan pandemik COVID-19, kutipan hasil Kerajaan pada tahun 2020 telah disemak semula kepada RM227.3 bilion iaitu pengurangan sebanyak RM17.2 billion atau 7% berbanding anggaran asal. Anggaran ini adalah berasaskan kepada yang dijangka menguncup pada kadar 4.5% dan jangkakan harga minyak mentah yang rendah sekitar USD40 setong. Jumlah perbelanjaan pula dianggar meningkat kepada RM314.7 bilion susulan pertambahan perbelanjaan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi. Justeru, defisit fiskal pada tahun 2020 telah disemak semula dan dianggar meningkat daripada 3.2% kepada 6.0% berbanding KDNK.

Bagi tahun 2021 pula, kedudukan kewangan dijangka bertambah baik selaras dengan pemulihan dalam pertumbuhan ekonomi antara 6.5% hingga 7.5%. Jumlah hasil Kerajaan dijangka meningkat kepada RM236.9 bilion manakala jumlah perbelanjaan dianggar sebanyak RM322.5 bilion. Sehubungan dengan peningkatan KDNK, defisit fiskal diunjur lebih rendah iaitu 5.4% daripada KDNK pada 2021 walaupun perbelanjaan terus meningkat. Namun, Kerajaan komited bagi mengurangkan defisit fiskal secara berperingkat tanpa menjejaskan momentum pemulihan ekonomi termasuk menyediakan bantuan yang sewajarnya kepada semua golongan bagi melindungi kehidupan rakyat. Ini adalah untuk menentukan terdapat ruang fiskal bagi menangani keperluan masa hadapan.

Golongan B40 dan M40 sentiasa diberi perhatian dan tumpuan dalam merangka sebarang dasar Kerajaan. Dalam Belanjawan 2021, Kerajaan memperuntukkan lebih RM30 bilion ringgit bagi penyediaan subsidi, insentif dan pelbagai jenis bantuan kepada rakyat termasuk mengawal kenaikan harga barangan dan perkhidmatan untuk manfaat keseluruhan rakyat terutama dari kumpulan B40 dan M40.

## NO SOALAN : 15

Antara inisiatif dan program utama yang telah diumumkan semasa Belanjawan 2021 bagi membantu meredakan kos sara hidup dan menjaga kebajikan rakyat adalah seperti:

a) Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), iaitu bantuan tunai yang telah diperluaskan kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan antara RM500 hingga RM1,800. Dijangka seramai 8.1 juta penerima akan menikmati BPR berbanding 4.3 juta penerima di bawah BSH;

b) Penangguhan bayaran pinjaman secara automatik atau moratorium selama 3 bulan kepada B40, manakala kepada Kumpulan M40 layak dipertimbang, Bantuan Bayaran Bersasar dengan hanya membuat pengisytiharan sendiri atau self-declaration pengurangan pendapatan untuk mendapat bantuan bayaran balik. Untuk makluman, setakat Oktober 2020, sejumlah 85% daripada peminjam telah mula membayar semula pinjaman mereka;

c) Penurunan kadar cukai pendapatan untuk individu pemastautin diturunkan sebanyak 1 mata peratusan bagi banjaran pendapatan bercukai 50,001 hingga 70,000ringgit yang mana dapat memanfaatkan hampir 1.4 juta pembayar cukai; dan

d) Pemberian pelbagai Perlindungan Sosial melalui MySalam, Perlindungan Tenang, PekaB40 dan Skim Bencana Pekerjaan PERKESO.

Selain itu, Kerajaan juga telah menambahbaik kadar bantuan kebajikan bulanan bernilai RM2.2 billion. Ini termasuk:

a) Kadar bantuan OKU tidak berupaya bekerja dinaikkan daripada RM250 kepada RM300;

b) Kadar Bantuan Warga Emas dan Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar dinaikkan daripada RM350 kepada RM500;

## NO SOALAN : 15

- c) Kadar Elaun Pekerja OKU dinaikkan daripada RM400 kepada RM450; dan
- d) Kadar Bantuan Kanak-kanak Keluarga Miskin dinaikkan daripada RM100 untuk 1 anak maksimum RM450 sekeluarga, kepada RM150, setiap anak berumur antara 7 hingga 18 tahun, atau RM200 untuk setiap anak berumur 6 tahun ke bawah dengan maksimum RM1,000 sekeluarga.

Terdapat juga program baharu yang turut membantu kumpulan B40 termasuk Program Jaringan Prihatin, iaitu Kerajaan akan menyediakan bantuan tunai sehingga RM180 dalam bentuk kredit telekomunikasi. Bantuan ini boleh digunakan untuk perbelanjaan langganan internet atau menampung sebahagian kos pembelian telefon bimbit baharu. InshaAllah, hampir 8 juta rakyat akan menerima manfaat bagi program ini.

Di samping bentuk bantuan sosial dan bantuan tunai, Kerajaan juga memberi fokus kepada penyediaan dan tawaran kerja. Melalui Skim Jaminan Penjanaaan Pekerjaan (JanaKerja), sebanyak 500,000 peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan mulai tahun hadapan termasuk pelbagai program peningkatan kemahiran dan latihan semula melalui perbelanjaan Kerajaan sebanyak 3.7 bilion ringgit. Sehubungan itu, aspek kebajikan dan kelangsungan hidup pendapatan rakyat sentiasa dititikberatkan.

Belanjawan 2021 merupakan penzahiran konsep Prihatin Rakyat yang didokong teguh oleh Kerajaan. Kebajikan dan kesihatan rakyat adalah keutamaan, manakala kelangsungan perniagaan serta ketahanan ekonomi menjadi pegangan demi mencapai kemakmuran bersama.

Sekian, terima kasih